

Nasihat untuk mencapai *tawakkal*

Demi meningkatkan kepercayaan kepada Allah, seseorang itu harus merubah fikiran tentang kewujudannya, Dunia, perhubungan manusia, kesusahan dan kesenangan, kesihatan dan kesakitan, kekayaan dan kemiskinan, kejayaan dan kegagalan, hidup dan mati, dan sedar diri bahawa kita hanya ciptaan Allah, Yang Maha Agung, Pencipta Alam Maya, dari sekecil-kecil kuman hingga sebesar-besarnya makhluk. Kita harus sedar bahawa Allah sumber segala kebaikan, kejayaan, dan kesenangan, dan kita terselamat dari segala musuh, kecuali dengan izinNya walaupun tiada manfaat. Kita harus sentiasa memikirkan perkara-perkara ini dan menguatkan iman kepada Tuhan, meletakkan harapan dan kepercayaan kepadaNya, du'a kepadaNya dan mempunyai pemikiran yang munasabah tentang dan sentiasa merancang untuk beribadah, dari segi Dunia mahupun Akhirah. Kita harus sedar bahawa:

- ❑ Walaupun manusia makhluk yang teragung di bumi ini, kita sebenarnya senang rapuh. Kita tidak mampu berdikari tanpa Tuhan, seperti makhluk yang lain. Manusia juga tiada kuasa atas kelahirannya, peningkatan usia dan kematian.
- ❑ Penyakit, kegagalan, kesedihan, kemiskinan dan kesusahan yang lain hadir dalam hidup manusia, walaupun ada yang terpaling kaya atau berkuasa, tiada sesiapa yang dapat mengelakkan diri darinya. Hidup di Dunia adalah sebagai ujian dan bukan tempat untuk hidup selamanya dan mengharap ganjaran.
- ❑ Seseorang yang lupa bersyukur kepada Allah dan memuji diri sendiri atas kejayaan, kesenangan, kekayaan dan segala perkara hal Dunia, akan rasa terseksa seandainya dia kehilangan kesemuanya. Seseorang yang percaya kepada Allah akan rasa terlindung dari rasa sangsi, tekanan, kemurungan ataupun dalam penyakit zahir mahupun batin kerana pendekatan dengan Allah. Harapannya kepada Tuhan memberi semangat dan kekuatan dalam segala ujian yang dihadapinya.
- ❑ Semua makhluk akan mati dan waktu tepat ajal kita tidak akan diketahui. Ada baiknya seseorang itu sentiasa meletakkan Allah dalam hatinya dan tidak terpengaruh oleh perkara yang tidak berfaedah, materialisme dan khayal dengan kejayaan atau hampa dengan kegagalan, sebaliknya, kita harus dekatkan diri dengan perintah suci Allah.

Kesimpulan:

- ❑ Rasulullah [s] bersabda: "Barang sesiapa yang inginkan darjat yang mulia harus letakkan kepercayaan kepada Allah." [Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, jil. 15, ms. 135, hadis # 71]

Untuk keterangan lebih lanjut tentang Islam, lungsuri leلمان:

<http://al-islam.org/faq/>

... maka bertawakallah kepada Allah; sesungguhnya Allah menyayangi orang yang bertawakal (kepadaNya)
(Qur'an, 3: 159)

Imam Ja'far al-Sadiq (a) ditanya tentang firman Allah swt, *Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah nescaya Dia (Allah) akan mencukupinya'* (65:3). Imam (a) menjawab: "Adanya beberapa tahap bertawakal. Antaranya adalah bertawakal kepada Allah dalam segala perkara, redha dengan apa sahaja yang ditentukanNya, kepastian dalam kebaikanNya terhadap kamu, dan semuanya adalah kehendakNya. Maka bertawakallah kepada Allah, berserahlah kepadaNya atas dasar apapun."

[Al-Kulayni, *al-Kafi*, jil 2, ms. 391, hadis # 3]

Kesucian dalam Jiwa...

Kepercayaan pada Allah (*tawakkal*)

Tawakkal atau menyerahkan segala urusan kepada Allah bersandarkan ilmu dan kepercayaan seseorang dalam Yang Maha Agung dan nilai kekuasaannya atas segala yang dicipta.

Tetapi bertawakal kepada Allah dalam hal duniawi dan ukhrawi tidak bermaksud seseorang itu tidak perlu berusaha.

Sebaliknya, seseorang itu harus berusaha dengan baik dan bersandar kepada keadilan, pertolongan dan pemberianNya.

Apakah *tawakkal*

□ ‘*Arif*’ terkenal, Khawaja Abdullah Ansari [ra] berkata: “***Tawakkal* bermaksud menyerahkan segala urusan kepada Allah dan bersandar kepada kepercayaan.**”

□ ‘*Arif*’ yang lain menerangkan: “***Tawakkal* kepada Allah bermaksud bahawa seseorang hamba itu telah meninggalkan harapan kepada yang lain (kecuali kepada Allah).**”

Tahap *tawakkal*

□ Manusia yang percaya dalam satu Tuhan namun dengan pemikiran tahap biasa menganggap Yang Maha Esa sebagai Pencipta segalanya; tetapi mereka kurang yakin atas keAgungannya, dan menganggap kuasaNya hanya terhadap *Tawakkal* mereka kurang dari segi Dunia; mereka mengaku hanya bila bicara tentang Akhirah. Mereka membela kelekaan mereka dalam mendalami ilmu, peningkatan jiwa dan menunaikan ibadah dengan hanya berkata tentang harapan mereka kepada Tuhan dan mereka *tawakkal* atas pemberianNya. Dengan hanya laungan ‘*Allahuakbar*’ dan ‘*Aku tawakkal atas pemberianNya*’, mereka mengharapkan tempat di Jannah. Namun dari segi hal Dunia, mereka menyatakan, “Usaha sendiri tidak berkaitan dengan *tawakkal* kepada Tuhan dan tidak bersandarkan kebesaranNya.” Oleh itu, mereka menganggap perkara Dunia sebagai sesuatu yang penting, dan meletak harapan atas materialisme, bukan atas Tuhan dan oleh kerana hal Akhirah tidak penting bagi mereka dan kepercayaan mereka pada hari Qiyamah tidak kuat, lalu mempunyai beberapa alasan untuk menutupi kelekaan mereka.

□ Adakan tetapi, lagi satu golongan yang, sama ada kerana pengetahuan ataupun perasaan, yakin atas kuasa Allah dalam segala perkara dan Dialah Penyebab kepada semua sebab, terpaling Agung dan tiada hadnya Kuasa dan PengaruhNya. Berdasarkan fikiran yang teguh, mereka *tawakkal* kepada Tuhan; lalu menganggap diri mereka sebagai *mutawakkil* yang berkebolehan untuk membentangkan bukti-bukti disebalik kebenaran *tawakkal*, iaitu: Tuhan Maha Pengetahui tentang segala keperluan ciptaanNya; Kuasa dan KebolehanNya untuk menunaikan keperluan itu juga Cinta dan RahmatNya atas semua makhluk. Golongan ini, walaupun boleh digelar *mutawakkil* dari segi fikiran, belum mencapai tahap keimanan; mereka goyah apabila berdepan dengan masalah Dunia. Hadirnya keselisihan antara pemikiran dan hati mereka, dimana logik dikuasai hati yang masih terikat kepada Dunia dan buta kepada keAgungan Allah.

□ Dan ada juga golongan ketiga yang hidup dengan penuh keyakinan dalam Tuhan dan keKuasaannya juga KebesaranNya atas semua ciptaan. Logik dalam fikiran mereka mengukir *tawakkal* di hati mereka. Golongan ini yang mencapai tahap *tawakkal*. Tetapi golongan ini juga berlainan antara satu sama lain dari tahap keimanan, dimana hati yang paling redha (*itminan*) akan dikurniakan

tahap *tawakkal* yang sempurna di hati mereka, yang terpisah dari hal-hal lain kecuali dengan Yang Maha Esa, dan mereka bergantung kepadaNya juga redha kepadaNya, seperti definisi *tawakkal* yang diberi oleh seorang ahli suluk: “**meninggalkan tubuh sebagi kesyukuran kepada Allah dan menyerahkan hati kepadaNya.**”

□ **Ya Allah, pisahkan harapan aku dari segala perkara kecuali hanya kepadaMu ...** [Munajat Sha’abniyyah Imam Ali (a): Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, jil. 94, ms. 99]

Sucinya *tawakkal*

□ Dalam tradisi Islam, *tawakkal* telah dipuji sebagai tanda kesetiaan, keimanan dan kepercayaan kepada Allah. Hanya mereka yang terdekat denganNya akan meletakkan kepercayaan yang penuh kepadaNya dalam segi apapun.

□ *Tawakkal* kepada Tuhan menjamin kejayaan seseorang itu di Dunia dan Akhirah, tidak kira betapa susah ujiannya atau beratnya hidup yang dipikul meskipun berdepan dengan musuh yang kuat.

□ Imam Ali (a): “***Tawakkal* kepada Allah adalah [sumber] penawar untuk segala kejahatan dan perlindungan dari musuh.**” [Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, jil. 56, ms. 79]

Adakah tahap yang lebih tinggi dari *tawakkal*?

□ Tahap *redha* [menerima segala kehendak Allah] berlainan dari *tawakkal*, kerana ia lebih agung. Ia kerana *mutawakkil* tersebut mencari kesenangan untuk diri sendiri dan percaya kepada Allah kerana Dia Maha Pemurah, namun *radi* [seseorang yang mencapai tahap *redha*] adalah seseorang yang telah menggantikan kemahuannya dengan kehendak Allah.

□ Tahap *tafwid* bermaksud menyerah kepada Allah kerana Dia Penentu segalanya. Tahap ini lebih halus dari *tawakkal*, kerana dalam *tawakkal*, *mutawakkil* itu menganggap Tuhan sebagai Penentu perkara-perkara yang baik dan memberinya kesenangan sedangkan *tafwid* mengangap penentuan Tuhan dalam segala perkara.

□ *Thiqah* [bergantung kepada] Yang Maha Esa mendekatkan jiwa dengan Tuhan, dan pemuja tidak mungkin mencapai pendekatan itu tanpanya. Khawaja Abdullah Ansari [ra] berkata, ‘*thiqah* adalah mata *tawakkul*, lingkaran yang bergerak dalam *tafwid*, dan jiwa kepada *taslim* (penyerahan).’ Ketiga-tiga tahap ini tidak mungkin dicapai tanpa *thiqah*.

□ Imam Reza (a): “**Iman mempunyai 4 tiang: *Tawakkal* kepada Yang Maha Esa, redha dengan kehendakNya, menyerah diri kepadaNya, dan meletakkan [segala hal] atasNya.**” [Ar-Rayshahri, *Mizan al-Hikmah*, hadis #22499]